

Untuk jadi masyarakat
yang sanggup berkorban

Hargai **jasa** pejuang kemerdekaan — **PM**

KUALA LUMPUR 29 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, generasi muda perlu menghargai semangat dan perjuangan pemimpin serta rakyat yang menuntut kemerdekaan kerana dengan cara itu mereka akan menjadi satu masyarakat yang sanggup berkorban.

Beliau berkata, hanya masyarakat yang sanggup berkorban dapat menjamin kemajuan, keamanan dan kemakmuran negara.

“Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan generasi muda kita mengikut haluan yang betul dan terhindar daripada gejala-gejala yang tidak diinginkan yang mungkin menggugat usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020,” tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika beruap melancarkan Buku Daftar Hari Merdeka pada satu majlis yang diadakan di Hotel Hilton di sini malam ini.

Buku ini memuatkan berbagai-bagai rancangan berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan negara dalam bidang ekonomi, sosial dan hubungan antarabangsa.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, setiap 31 Ogos, rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan dengan berbagai-bagai acara sebagai menunjukkan kesetiaan dan semangat patriotisme kepada negara.

Bagaimanapun, katanya, di samping bergembira, rakyat perlu memperingati dan mengenang kembali jasa-jasa para pemimpin negara yang telah berjuang untuk mencapai kemerdekaan

“Kemakmuran dan kemewahan yang kita nikmati pada hari ini adalah hasil daripada perjuangan pemimpin-pemimpin tersebut,” tegas beliau.

Menyentuh mengenai Buku Daftar Hari Merdeka, katanya, buku itu adalah penting daripada segi nilai sejarah kerana ia boleh dijadikan bahan rujukan yang amat berguna untuk generasi akan datang.

Melalui buku tersebut juga, tambah beliau, seseorang yang membacanya akan dapat memahami aspek sejarah, ekonomi, sosial dan kebudayaan penduduk negara ini dan kepada para pelancong, ia akan dapat memberi gambaran sepintas lalu mengenai suasana dan cara kehidupan di negara ini.

Mengenai kandungannya, Perdana Menteri berkata, Buku Daftar Hari Merdeka amat sesuai dan memenuhi hasrat penerbitannya kerana ia turut memuatkan rakaman peristiwa sambutan perayaan Hari Kebangsaan pada tahun-tahun lalu sama ada di peringkat kebangsaan mahupun peringkat negeri.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, selain itu, buku tersebut turut memuatkan pelbagai rencana dan tulisan yang berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan negara ini di bidang ekonomi, sosial dan hubungan antarabangsa.

“Ia juga merekodkan nama syarikat yang telah berjaya dalam beberapa aspek pertandingan. Rekod ini penting kerana ia merupakan pengiktirafan negara kepada sektor swasta yang telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan dan kemajuan negara,” tegas beliau.